

18/03/2001

Umur bersara dilanjut setahun

KUALA LUMPUR: Kerajaan pada dasarnya bersetuju melanjutkan setahun lagi had umur persaraan kakitangan awam daripada 55 tahun kepada 56 tahun.

Di samping itu, Jadual Gaji Matriks dalam Sistem Saraan Baru (SSB) juga dipersetujui untuk dikaji semula dengan serta-merta oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abd Rahman Manan, berkata persetujuan itu dimaklumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan dengan wakil kongres berkenaan yang diketuai Presidennya, N Siva Subramaniam, di Putrajaya, Rabu lalu.

Bagaimanapun, katanya, tarikh pelaksanaan melanjutkan had umur persaraan itu belum ditentukan kerana masih dalam pertimbangan kerajaan.

"Kerajaan pada dasarnya bersetuju kakitangan awam bersara selepas mencapai usia 56 tahun.

"Kerajaan sedang menguruskan perkara ini dan beliau (Dr Mahathir) berharap Cuepacs dan kakitangan awam bersabar," katanya dalam sidang akhbar di ibu pejabat Cuepacs di sini, semalam.

Abd Rahman berkata, Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan selesai mengkaji permohonan Cuepacs supaya umur persaraan kakitangan awam dilanjutkan kepada 58 tahun daripada 55 tahun sekarang.

Berdasarkan kajian, katanya, kerajaan mendapati keputusan melanjutkan had umur persaraan itu wajar kerana pada masa ini persaraan wajib pada hari genap berusia 55 tahun bermakna mereka hanya berkhidmat sehingga hari terakhir umur 54 tahun.

Faktor peningkatan jangka hayat rakyat di negara ini, termasuk kakitangan awam berikutan tahap kesihatan bertambah baik, iaitu 75 tahun bagi wanita dan 72 bagi lelaki, turut mendorong keputusan itu dilaksanakan.

Selain itu, kerajaan tidak mahu kerugian dari segi pengetahuan, kepakaran dan kemahiran apabila kakitangan awam memasuki sektor swasta selepas bersara.

Berdasarkan laporan setiap tahun, antara 10,000 hingga 14,000 kakitangan awam bersara di seluruh negara dalam pelbagai bidang pekerjaan.

"Pelanjutan umur persaraan untuk tempoh setahun lagi akan dilaksanakan sebagai percubaan dan proses peralihan sebelum ia dilakukan secara menyeluruh.

"Sepanjang tempoh percubaan itu, kerajaan akan melihat keberkesanannya, termasuk sama ada ia boleh mengganggu pentadbiran dan kemasukan lepasan sekolah dalam pasaran pekerjaan.

"Jika tiada masalah, kerajaan mungkin melanjutkan had umur persaraan itu sehingga umur 58 tahun atau 60 tahun," katanya.

Abd Rahman berkata, pada pertemuan itu, Perdana Menteri turut meminta Cuepacs bekerjasama dengan JPA untuk mencari penyelesaian segera terhadap isu Jadual Gaji Matriks dalam SSB sejak ia dilaksanakan pada 1992.

Katanya, Dr Mahathir berpendapat disebabkan SSB masih tidak dapat diterima sebilangan besar kakitangan kerajaan selepas hampir 10 tahun dilaksanakan, lebih baik sistem Jadual Gaji Matriks dipinda atau diubahsuai supaya ia diterima oleh kakitangan awam secara keseluruhan.

"Cuepacs akan mengemukakan cadangan balas terbaru dengan beberapa pilihan selepas diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kongres Cuepacs pada 25 Mac ini," katanya.

Sistem Jadwal Gaji Matriks itu tidak dapat diterima oleh kakitangan awam antara lain disebabkan penilaian prestasi tahunan yang dibuat pegawai penilai dan ketua jabatan tidak telus dan berlaku pilih kasih.

(END)